



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut:

**Jawatan**

Profesor Madya (PT 4)

Penolong Profesor ( PT2/PT2A)

**Tanggagaji**

PT 4 (BND6,800 – BND7,010) sebulan

PT2 (BND3,880 – BND4,960) atau P2A (BND4,4480 – BND5,6100

**Bidang**

Profesor Madya

Jawi dan Kitab Turath

**Penolong Profesor**

Bahasa Arab (Linguistik Gunaan), Pendidikan Awal Kanak-Kanak,  
Pendidikan Khas, Psikologi dan Syariah

**Bagi Jawatan Profesor Madya (PT 4)**

- a) Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti /pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) atau terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Kanan Profesor dalam tanggagaji PT3 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal 'refereed journal', pentadbiran, penyeliaan tesis Ijazah Sarjana, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas dari luar.

**ATAU**

Memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;
  - Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;
  - Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;
  - Di dalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam ‘refereed journal’ atau sumbangan bab atau ‘chapter’ di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan penilaian akademik;
  - Membuat penyeliaan tesis Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah secara konsisten;
  - Menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan serantau/antarabangsa yang bertaraf tinggi.
- c) Selain daripada kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan, juga membuktikan kebolehan dalam pengurusan Jabatan atau Fakulti seperti Ketua Jabatan atau Dekan atau Timbalan Dekan dan sebagainya.
- d) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

## 6. SYARAT-SYARAT LAIN

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

### Bagi Jawatan Penolong Profesor (PT2)

- a) i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti/fakulti university/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) atau terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Pensyarah di dalam tanggagaji PTIA selama tidak kurang dari empat (4) tahun;

### ATAU

Telah berkhidmat dengan Pusat-Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri termasuk bukan Kerajaan yang diiktiraf oleh Kerajaan di dalam jawatan sebanding dengan jawatan Penolong Profesor atau jawatan sebanding dengan petugas ‘substantive’ mengajar dan menyelidik dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

- iii. Menunjukkan potensi tinggi untuk maju dalam pengajaran, penyelidikan, kebolehan di dalam penulisan akademik dan khidmat masyarakat.

#### **Bagi Jawatan Penolong Profesor (PT2A)**

- b. i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan atau terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dimana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- ii. Memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;
- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;
- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;
- TELAH MULA menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam ‘referee journal’ atau sumbangan bab atau ‘chapter’ di dalam buku-buku akademik atau menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan serantau/antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;
- Pernah menyelia tesis Ijazah Sarjana sebagai satu kelebihan;
- Pernah memegang jawatan-jawatan sebagai Ketua Jabatan atau Penolong Ketua Jabatan atau Penolong Dekan atau jawatan yang berkaitan dengan rekod prestasi sekurang-kurangnya sangat baik sebagai kelebihan.

- c) Berumur tidak melebihi 40 tahun adalah satu kelebihan.  
d) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **7. SYARAT-SYARAT LAIN**

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **Tatacara Permohonan**

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 diisi melalui online di laman sesawang: [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Selain memohon melalui online, salinan hardcopy borang permohonan juga hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan dan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut berserta dengan satu sokongan **Laporan Sulit** mengenai pemohon, laporan **Prestasi Tiga (3)**

**Tahun Kebelakangan dan Satu Salinan Rekod Perkhidmatan Yang Lengkap dan Terkini.**

**Tarikh Buka Permohonan**  
Rabu  
**01 Oktober 2025**

**Tarikh Tutup Permohonan**  
Selasa  
**21 Oktober 2025**

**Rujukan Iklan:**  
**KUPU SB/PJW/6.01/25-1F**

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +6732236277.